

Peminjam PTPTN dakwa kolej dikenakan caj tersembunyi

MalaysiaKini.com

04 Januari, 2018

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan menyiasat dakwaan seorang bekas pelajar kolej di utara tanah air bahawa kolejnya telah mengenakan caj tersembunyi dalam yuran ke atas peminjam PTPTN.

PTPTN ketika dihubungi *Bernama* berkata pihaknya akan menyiasat perkara ini.

“Kami mohon pihak yang berkenaan yang berkenaan untuk hadir ke pejabat PTPTN untuk berbincang dan memberi maklumat lanjut,” kata wakil PTPTN.

Terdahulu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) telah mengadakan satu sidang akhbar berkenaan dakwaan penipuan kolej swasta yang mengenakan lebih caj ke atas pelajar dan menjanjikan mereka peluang pekerjaan setelah tamat pengajian.

Bekas pelajar kolej itu mendakwa selepas menamatkan pengajian diploma dan ijazah dalam bidang Perbankan Islam dan Kewangan, dia terpaksa menanggung hutang sebanyak RM70,000 apabila jaminan yang diberikan pihak kolej untuk mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian turut palsu.

Elak jadi mangsa penipuan

“Pinjaman untuk program diploma dan ijazah saya RM70,000. Setiap semester saya seharusnya mendapat RM8,000 dan setelah yuran pengajian ditolak, saya seharusnya mendapat baki kira-kira RM4,000.

“Tetapi, pihak kolej saya mengenakan caj berlebihan atas alasan urusan pentadbiran dan sebagainya,” dakwanya ketika sidang media di pejabat PPIM di Kuala Lumpur hari ini.

Katanya, dia yang membuat pinjaman penuh untuk menampung pendidikannya terpaksa menganggur selama enam bulan dan akhirnya menyertai Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) untuk mendapatkan pekerjaan.

Sementara itu Ketua Aktivist PPIM, Datuk Nadzim Johan menyeru Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memantau semua institusi pendidikan swasta bagi mengelakkan pelajar menjadi mangsa penipuan.

“Kami juga menyeru PTPTN untuk menjalankan siasatan ke atas dana pendidikan yang disalurkan supaya pelajar tidak terbeban dengan hutang selepas tamat pengajian dan tiada pekerjaan,” katanya.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/407552>